

Notifikasi Selesai Pengubahsuaian Dan Surat Aku Janji Pematuhan Pengubahsuaian Klinik Swasta Baharu

Saya.....(nama penuh)
..... (no. kad pengenalan) yang beralamat di
.....
.....(alamat surat menyurat)
sebagai Pemohon/ Orang Yang Diberi Kuasa (OYDK)* bagi permohonan pendaftaran klinik swasta bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] seperti berikut:

- (1) Nama Klinik :
.....
- (2) Alamat Klinik :
.....
.....
.....

dengan ini mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang saya berikan **adalah benar**, dan **saya mengaku dan berjanji** bahawa:

- (1) Saya telah memastikan pengubahsuaian premis yang dilaksanakan telah siap sepenuhnya, lengkap dengan peralatan dan kelengkapan yang diperlukan, serta mematuhi sepenuhnya kehendak Akta 586, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U(A) 137/2006], Undang-undang Subsidiari dan undang-undang bertulis lain berkaitan selaras dengan pelan lantai yang telah diluluskan;
- (2) Tidak akan membuat pindah hakmilik sebelum lawatan pemeriksaan pematuhan piawaian dilakukan; dan
- (3) Sekiranya maklumat yang diberikan adalah **tidak tepat, palsu, mengelirukan, atau berbeza** daripada penemuan sewaktu lawatan pematuhan kelak yang akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada kehendak perundangan seperti di atas, saya akur bahawa –
- (a) saya akan mengambil tindakan lanjut untuk mengubahsuaikan infrastruktur bagi mematuhi keperluan perundangan seperti di atas;
- (b) tindakan penguatkuasaan/perundangan selaras dengan ketetapan Akta 586 dan peraturan-peraturannya boleh dikenakan terhadap klinik saya; dan/atau
- (c) perakuan pendaftaran klinik saya **BOLEH DIBATALKAN** oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

.....
Tandatangan Pemohon/ Orang Yang Diberi Kuasa (OYDK)*

Tarikh:

**OYDK merupakan orang yang diberi kuasa untuk memohon bagi pihak pertubuhan perbadanan dan hendaklah mengemukakan surat pemberian kuasa yang spesifik bagi permohonan pendaftaran klinik pergigian swasta*